

DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

Politeknik Kuching Sarawak (PKS) komited terhadap aspek keselamatan dan kesihatan warga PKS, kontraktor dan pengunjungnya seperti yang selaras dengan kehendak semua undang-undang dan piawaian yang berkaitan.

Objektif Dasar Keselamatan dan Kesihatan adalah untuk memastikan PKS komited dalam mencegah sebarang kemungkinan kecederaan dan penyakit daripada insiden yang berlaku di tempat kerja.

Dasar-dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PKS meliputi pelaksanaan perkaraperkara berikut:

- 1. Menyedia, mengurus, menyelenggara tempat kerja, peralatan dan mewujudkan sistem kerja yang selamat serta sihat daripada sebarang bahaya dan risiko;
- Memastikan semua warga PKS dan pihak berkepentingan diberi maklumat, arahan, latihan dan khidmat nasihat berkenaan kaedah untuk melaksanakan kerja dengan selamat tanpa risiko kepada kesihatan;
- Memastikan bahawa semua prosedur dan panduan kerja yang dilaksanakan dapat menghapuskan semua bahaya dan risiko sama ada dalam keadaan kerja biasa atau dalam keadaan darurat;
- 4. Menyiasat semua insiden, penyakit pekerjaan, keracunan pekerjaan dan kejadian berbahaya serta melaksanakan kawalan risiko keselamatan dan kesihatan pekerjaan di PKS; dan
- 5. Memperkasakan budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan warga PKS.

Penilaian semula serta penambahbaikan berterusan dilaksanakan pada dasar dan objektif secara berkala untuk tujuan peningkatan berterusan.

Polisi ini akan disampaikan kepada semua warga PKS dan kontraktor tersedia untuk orang ramai.

HIKMATULLAH BIN HAJID AHMAD KHAN

Pengarah

Politeknik Kuching Sarawak

18 OKTOBER 2021